

24 NOV 1999

MAJLIS PERUNDING AGAMA BERIKRAR SOKONG BN

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Majlis Perunding Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia (MCCBCHS) hari ini berikrar memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov ini.

Setiausaha agungnya R. Thiagaraja berkata MCCBCHS sebulat suara menyokong BN dalam pilihan raya ini setelah memberi pertimbangan dengan teliti perkembangan politik Malaysia akhir-akhir ini.

"Kami penuh yakin bahawa mana-mana kerajaan yang ingin memerintah Malaysia mesti liberal dan dapat memberima kenyataan wujudnya masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.

"Mereka tidak sepatutnya mewujudkan satu undang-undang ke atas bangsa lain. Usaha ini merbahaya dan boleh memecah-belahkan perpaduan di kalangan rakyat, " kata beliau dalam satu kenyataan bertanda tangan di sini, hari ini.

Thiagaraja berkata Malaysia menikmati kesejahteraan dan kemakmuran, kemajuan ekonomi serta kebebasan beragama kerana kerajaan BN mengamalkan dasar liberal di kalangan semua kaum.

"Rakyat Malaysia menikmati kebebasan bersuara dan beragama dan ini patut diteruskan ke alaf baru demi masa depan generasi akan datang.

"Hanya kerajaan BN yang diterajui Datuk Seri Dr Mahathir, dengan gabungan beberapa parti, boleh memberikan kita harapan itu," kata beliau.

-- BERNAMA

AFY zb